

SALMODIL SYRUP

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Salbutamol Sulphate/Bromhexine Hydrochloride (2mg/4mg per 5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan SALMODIL
2. Bagaimana SALMODIL berfungsi
3. Sebelum menggunakan SALMODIL
4. Cara menggunakan SALMODIL
5. Semasa menggunakan SALMODIL
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan SALMODIL
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan SALMODIL

SALMODIL adalah sejenis bronkodilator (membantu mengendurkan saluran udara dalam paru-paru) dengan fungsi mencairkan kahak untuk menyingkirkan kahak yang bernanah dan pekat dalam bronkiektasis (pengembangan saluran udara yang abnormal) akut dan kronik dan batuk kokol.

Bagaimana SALMODIL berfungsi

Ia mengandungi salbutamol yang berfungsi dengan mengendurkan otot saluran pernafasan ke dalam paru-paru, dan memudahkan pernafasan. Ia juga mengandungi bromhexine, yang bertindak untuk menipiskan kahak di dalam saluran pernafasan, menjadikan kahak kurang melekit dan ia juga memudahkan penyingkiran kahak.

Sebelum menggunakan SALMODIL

- Bila tidak boleh menggunakan

Beritahu doktor anda sebelum menggunakan SALMODIL jika anda

- Alergi kepada Salbutamol atau Bromhexine atau bahan-bahan lain yang disenaraikan pada akhir risalah ini.
- mempunyai *thyrotoxicosis* (terlalu banyak hormon tiroid)
- Mempunyai penyakit jantung dan saluran darah yang teruk.
- Mempunyai ulser peptik (ulser pada lapisan perut atau bahagian pertama usus kecil).
- Mempunyai angina (sakit dada)

-Mengandung dan penyusuan

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau menyusukan anak. SALMODIL hanya boleh digunakan semasa mengandung jika faedah yang dijangka kepada ibu adalah lebih besar daripada sebarang risiko kepada janin.

Disebabkan salbutamol mungkin akan hadir dalam susu ibu, penggunaan salbutamol semasa penyusuan tidak digalakkan kecuali manfaat yang dijangka mengatasi apa-apa risiko yang berpotensi.

-Sebelum mula menggunakan SALMODIL

-Gunakan SALMODIL dengan berhati-hati jika anda mempunyai asma akut yang teruk.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Adalah penting untuk memberitahu doktor atau ahli farmasi anda mengenai semua ubat-ubatan yang anda ambil, termasuk yang diperolehi tanpa preskripsi doktor. Anda perlu berbincang dengan doktor anda atau ahli farmasi jika anda menggunakan ubat berikut: -

- *Xanthine derivatives*
- Steroid
- Penyekat-beta tidak selektif seperti propranolol atau pil air (diuretik), digunakan untuk rawatan tekanan darah tinggi atau masalah jantung.

Cara menggunakan SALMODIL

-Berapa banyak harus digunakan

Kanak-kanak:

Berusia bawah 6 tahun:

1.25 hingga 2.5 ml, 3 hingga 4 kali sehari

Berusia atas 6 tahun:

2.5 hingga 5 ml, 3 hingga 4 kali sehari.

Atau seperti yang diarahkan oleh doktor.

-Berapa lama perlu digunakan

Jangan berhenti mengambil ubat ini walaupun anda berasa lebih sihat melainkan atas arahan doktor anda.

-Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa mengambil satu dos SALMODIL, ambil dos tersebut secepat mungkin. Jika hampir masa untuk dos berikutnya, abaikan dos tersebut dan teruskan dos biasa anda. Jangan menggandakan dos.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau dapati sesiapa yang mengambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Hypokalaemia (kekurangan kalium dalam salur darah) boleh berlaku berikutan lebih dos dengan salbutamol.

Semasa menggunakan SALMODIL

-Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut sukatan yang ditentukan oleh doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan SALMODIL.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali disuruh oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa meminta nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan memberi SALMODIL kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Ia tidak kira sama ada kesan salbutamol berkurang, atau jangka masa kesan berkurang, anda tidak sepatutnya meningkatkan dos atau kekerapan penggunaan ubat, tetapi patut mendapat nasihat perubatan.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, SALMODIL boleh menyebabkan kesan-kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya.

Antara kesan-kesan sampingan adalah seperti berikut:

- *Tachycardia* (denyutan jantung meningkat)
- Debaran jantung (denyutan jantung yang kuat)
- Sakit *precordial* (sakit dada)
- *Hypokalaemia* yang teruk disebabkan oleh terapi *beta-2 agonist*.
- Kebimbangan
- Geletar pada sesetengah orang
- Loya
- Muntah

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas mengambil ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Medicinal Problem/ Sid Effect/ AEFI/ Vaccine Safety*).

Cara penyimpanan dan pelupusan SALMODIL

- Penyimpanan

Simpan di tempat yang kering dan di bawah 30°C

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Sirap yang jernih dan berwarna merah jambu mempunyai rasa yang manis dan sedikit pahit, dengan rasa sejuk segar.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan- bahan aktif
Salbutamol Sulphate, Bromhexine Hydrochloride

- Bahan-bahan tidak aktif

Gula, Sodium Benzoate, Sorbitol Solution, Hydrochloric Acid, Propylene Glycol, Carmoisine, Cherry Sweet, Mentol, dan air suling.

- Nombor MAL:

MAL19871056AZ

Pengilang

FDC Limited
At: B-8 M.I.D.C. Waluj
Dist. Aurangabad 431 136 India

Pemegang Pendaftaran Produk

Unimed Sdn. Bhd.
No.53 Jalan Tembaga SD 5/2B,
Bandar Sri Damansara,
52200 Kuala Lumpur

Tarikh kemaskini RiMUP

25/09/ 2017

Nombor Siri

NPRA(R4/1)190917/00249